



**TERMA LANTIKAN *GRADUATE INTERN*
SECARA SEMENTARA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

1.	Jawatan	<i>Graduate Intern (GI)</i>
2.	Taraf Lantikan	Secara kontrak (GI yang telah dilantik, tidak boleh menerima tawaran lantikan bagi projek penyelidikan yang lain dalam tempoh masa yang sama)
3.	Kelayakan	a. Warga negara Malaysia b. Telah berijazah dengan Sarjana Muda atau pelajar berdaftar sepenuh masa UA di peringkat pasca siswazah. c. Belum menghadapi tindakan disiplin atau proses oleh UA atau mahkamah di Malaysia atau negara-negara lain.
4.	Elaun	Siling upah dan elaun tidak melebihi RM 2000.00 sebulan. (Tertakluk kepada garis panduan KTP yang dikeluarkan oleh KPT dari semasa ke semasa)
5.	Kemudahan	GI tidak layak menerima apa-apa kemudahan atau keistimewaan sebagaimana yang diberi kepada anggota-anggota lantikan tetap Universiti Pendidikan Sultan Idris
6.	Tatatertib dan Kelakuan	GI tertakluk kepada Perlembagaan Universiti, Statut, Akta dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dan kepada kaedah-kaedah tatatertib dan apa-apa peraturan lain yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa di Universiti ini.
7.	Penamatan Perkhidmatan	Surat penamatan/ perletakan jawatan hendaklah diserahkan kepada Unit Tadbir Urus dan Kewangan, PPPI sebulan sebelum tarikh tamat perkhidmatan melalui Ketua Projek dan Fakulti.
8.	Tuntutan Elaun dan Bayaran	GI layak menuntut bayaran elaun-elaun perjalanan rasmi (termasuk elaun makan, elaun harian dan elaun lojing) bagi urusan berkaitan dengan penyelidikan mengikut kadar yang berkuat kuasa di Universiti.
9.	Menarik Balik Tawaran dan Menamatkan Perkhidmatan Jika Maklumat Yang Diberi Didapati Tidak Benar	Pihak berkuasa melantik berhak menarik balik tawaran ini atau menamatkan perkhidmatan saudara/i tanpa memberi notis terlebih dahulu, sekiranya didapati bahawa maklumat yang tidak benar telah diberi dalam mana-mana dokumen yang dikemukakan berkaitan dengan pelantikan saudara/i ke dalam perkhidmatan yang ditawarkan ini.
10.	Hubungan	GI hendaklah bukan dalam kalangan keluarga/ saudara terdekat Ketua Projek/ Ahli.